



TEKS

KHUTBAH

FEBRUARI 2025

NEGERI PAHANG



MARHABAN YA RAMADAN

28 FEBRUARI 2025 | 29 SYAABAN 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَحْمٰنٰ رَحِيمٰ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian

Sedar mahupun tidak, kehadiran Ramadan yang sangat dinanti-nanti bakal tiba lagi. Orang yang beriman sedar bahawa ia merupakan rahmat daripada Allah Subhanahu Wa-Taala kepada hamba-hamba-Nya. Mereka memahami bahawa Ramadan bukan hadir dengan ‘tangan kosong’, tetapi dipenuhi ganjaran dan dilimpahi dengan ‘buah tangan’ daripada Allah Subhanahu Wa Taala. Justeru,



terpulanglah kepada kita sama ada untuk menerima kehadiran Ramadan kali ini dengan memuliakannya atau membiarkan ia berlalu begitu sahaja.

Ramadan merupakan bulan tarbiah, iaitu bulan yang mendidik setiap individu muslim agar kembali mengabdikan diri kepada Allah Taala. Ibadah puasa misalnya, bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga, bahkan ia juga berperanan mendidik mata daripada melihat perkara yang diharamkan, telinga daripada mendengar umpatan, lidah daripada menuturkan fitnah dan cacian, tangan daripada melakukan dosa dan permusuhan, kemaluan daripada melakukan kemaksiatan dan kaki daripada melangkah ke arah kejahatan dan kemungkaran. Ibadah puasa juga mendidik kita bersifat ihsan dan melaksanakan tuntutan agama dengan penuh keikhlasan.

Semoga dengan kehadiran Ramadan kali ini, ibadah puasa kita mencapai matlamat puasa yang sebenar iaitu takwa. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا كُنْبَ عَلَيْكُمُ الصَّيَامُ كَمَا كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

Ramai *salaf al-soleh* berdoa untuk mendapatkan Ramadan supaya diisi dengan pelbagai amalan yang soleh. Antara doa mereka ialah:



اللَّهُمَّ سَلِّمْنِي لِرَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسْلِمْ مِيقَ مُتَقَبَّلًا

Yang bermaksud: “*Ya Allah, sejahterakanlah (sampaikanlah) aku sehingga ke Bulan Ramadan, sejahterakanlah Ramadan bagiku, dan terimalah daripadaku (ibadat pada bulan itu).*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza Wa Jalla

Pada bulan ini juga Allah Taala membuka peluang keemasan kepada orang yang beriman untuk meraih pahala berganda dan membuka seluas-luasnya pintu keampunan untuk menerima taubat daripada hamba-hamba-Nya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah RA. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda:

إِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فُتُحْتَ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِقْتُ أَبْوَابُ النَّارِ وَصُمِّدَتِ الشَّيَاطِينُ.

Yang bermaksud: “*Apabila datangnya Ramadan, nescaya dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan.*”

Hadis ini menggambarkan keistimewaan bulan Ramadan dan betapa luasnya kesempatan untuk meraih pahala dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wa Taala.

Ketahuilah...! Daripada sudut kesihatan pula, puasa adalah merupakan kaedah terbaik bagi memelihara anggota badan daripada pelbagai penyakit. Dr. Hisyam Ibrahim Al-Khatib di dalam bukunya ‘Al-Wafi Fi Al-Tib’ menjelaskan bahawa puasa memberi peluang kepada organ-organ di dalam tubuh badan untuk



memperbetulkan semula sistem penghadaman. Ia juga menjadi penawar mujarab kepada penyakit-penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, pertambahan lemak dan peningkatan gula dalam darah. Lihatlah betapa besarnya hikmah Allah Taala mewajibkan hamba-hamba-Nya berpuasa. Selain daripada mampu meningkatkan keimanan dan ketakwaan, ia juga bermanfaat kepada tubuh badan.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Beberapa persediaan dalam menghadapi Ramadan yang akan menjelang mestilah dilakukan antaranya ialah:

Pertama: Persediaan ilmu.

Setiap individu muslim berkewajipan untuk menimba ilmu tentang ibadah. Khususnya ibadah yang disyariatkan pada bulan Ramadan sama ada dengan berguru ataupun melalui pembacaan seperti makalah dan buku. Persediaan ilmu sangat penting kerana ia memberi penjelasan tentang sah ataupun tidak ibadah seseorang di sisi Allah Subhanahu Wa Taala. Dengan ilmu juga, seseorang itu dapat mengetahui kelebihan-kelebihan beribadah pada bulan Ramadan serta *rukhsah* (keringangan) yang diperbolehkan dalam ibadah tersebut.

Kedua: Persediaan rohani.

Persediaan ini melibatkan amalan-amalan penyucian jiwa seperti beristighfar, membaca al-Quran, berselawat, qiamullail, beriktikaf dan sebagainya. Hal ini penting kerana ia akan memudahkan seseorang untuk meneruskan tuntutan rohaninya pada bulan Ramadan. Kita juga hendaklah memperbaharui niat dan azam untuk tidak mensia-siakan Ramadan pada tahun ini kerana niat dan keazaman



yang tinggi mampu menjadi daya kekuatan dan istiqamah untuk merebut segala ganjaran yang disediakan oleh Allah Taala dalam bulan ini.

Ketiga: Persediaan Fizikal.

Untuk menjalani ibadah pada bulan Ramadan, tubuh badan mestilah dipersiapkan dalam keadaan sihat dan mampu melaksanakan ibadah biarpun dalam keadaan yang lapar dan dahaga. Kerana itulah, ibadah berpuasa ini bukan hanya dikhkususkan pada bulan Ramadan sahaja, bahkan turut dianjurkan juga pada bulan-bulan yang lain.

Sidang Jumaat yang dimuliakan

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah :

Pertama : Allah Subhanahu Wa Taala membuka seluas-luasnya peluang untuk meraih pahala berganda dan memberi keampunan kepada hamba-hambanya dalam bulan Ramadan.

Kedua : Mukmin yang sebenar akan merebut peluang keemasan untuk beramal dengan kehadiran bulan Ramadan yang dipenuhi dengan keberkatan, keampunan dan pelbagai ganjaran.

Ketiga : Persiapkanlah diri dengan ilmu, rohani dan jasmani yang kukuh untuk mendapat kesempurnaan beribadah pada bulan Ramadan.

Semoga Ramadan pada kali ini menjadi sebagai titik perubahan dalam diri, keluarga, masyarakat dan ummah kepada yang lebih cemerlang dan istiqamah.



Seterusnya marilah sama-sama lakukan kita berdoa agar kita dipermudahkan untuk beramal pada bulan ini.

Firman Allah Azza Wa-Jalla dalam al-Nahl ayat 97

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنُجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ
إِلَّا حَسَنٍ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Yang bermaksud: “Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau wanita, sedangkan dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalaaskan mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.